



BELEK...Zulkurnain (kanan) melihat plastik mudah lupus selepas majlis kempen penggunaannya, semalam.

Inisiatif pelihara alam sekitar

Guna beg dari tepung

Metro 19/12/12
MS 34.

>>Oleh Fazurawati Che Lah

fazurawati@hmetro.com.my

SUBANG JAYA: Selaras usaha memelihara alam sekitar daripada dicemari bahan yang tidak dapat dilupuskan, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) meneruskan inisiatif penggunaan beg plastik mesra alam menerusi plastik mudah lupus yang dihasilkan daripada tepung ubi dan jagung.

Penolong Setiausaha MPSJ, Zulkurnain Che Ali berkata, melalui kerjasama syarikat RNZ Green Bio Sdn Bhd dan Maribumi Starchtech Sdn Bhd, plastik itu akan diperluaskan penggunaannya di semua pasar raya besar serta peniaga di pasar dalam tempoh terdekat. Menurutnya, plastik mudah lupus ini direka sama seperti plastik konvensional, namun ia boleh terurai dalam tempoh singkat sekiranya dibuang dan tidak menjejaskan kerosakan kepada alam sekitar.

“Plastik ini boleh dibuang bersama sisa makanan kerana terurai dalam persekitaran dengan lebih cepat iaitu antara tiga bulan hingga empat tahun berbanding plastik konvensional yang mengambil masa lebih 100 tahun,” katanya pada sidang media majlis Kempen Penggunaan Plastik Mudah Lupus MPSJ, di sini, semalam.

Pada majlis itu, beberapa wakil

daripada syarikat hypermarket dan pasar raya turut serta dalam bengkel yang diadakan.

Zulkurnain berkata, usaha itu sebagai tanda sokongan MPSJ kepada Program Hari Tanpa Beg Plastik yang dilaksanakan di seluruh Selangor setiap Sabtu.

“Berdasarkan rekod, purata penghasilan sampah di kawasan MPSJ adalah sebanyak 400 tan sehari membabitkan 500,000 penduduk.

“Melalui perangkaan ini juga mendapati seorang individu menggunakan kira-kira lapan keping beg plastik setiap minggu,” katanya.

Menurutnya, setakat ini hanya pasaraya Mydin menggunakan plastik jenis itu untuk urusan jual beli, namun orang ramai boleh mendapatkan plastik tersebut di beberapa pasar raya terpilih yang sudah menjualnya seperti plastik sampah.

“Kita berharap usaha ini mendapat sokongan semua pasar raya dan mengenai harga plastik, pihak kami sedang berbincang untuk mendapatkan harga yang berpatutan dan mampu dibeli,” katanya.

Katanya, bagi memberi kesedaran kepada orang ramai, pihaknya giat mengedar risalah dan pemberian sampel plastik mudah lupus kepada peniaga yang memperbaharui lesen perniagaan pada bulan ini selain kempen di pasar pagi, USJ 10 dan Pasar Borong Seri Kembangan.